



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 6 FEBRUARI 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PANTAU HARGA SAYUR: KPDN GERAKKAN LEBIH 2 RIBU PEGAWAI PENGUATKUASA, LIFE NEWS AGENCY -ONLINE	LAIN-LAIN
2.	KPDN KELUARKAN 60 NOTIS UNTUK ANALISIS, SIASAT KENAIKAN HARGA SAYUR, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE	
3.	RACUN, BAJA PUNCA HARGA SAYUR NAIK, DALAM NEGERI, UM -1 & 3	
4.	N.SEMBILAN PERLUAS KAWASAN PENANAMAN PADI, JAMIN KELANGSUNGAN, ASTRO AWANI -ONLINE	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2023	LIFE NEWS AGENCY	ONLINE	

## Pantau harga sayur : KPDN gerakan lebih 2 ribu Pegawai Penguatkuasa



PUTRAJAYA, 5 Februari 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memaklumkan bahawa seramai 2,200 Pegawai Penguatkuasa telah digerakkan setiap hari bagi melaksanakan pemeriksaan harga di premis-premis seluruh negara termasuk premis yang menjual sayur-sayuran merangkumi pasar awam, kedai runcit, pasar raya-pasar raya serta premis-premis lain di bandar mahupun luar bandar.

Menurut Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam dalam satu kenyataan hari ini, pemeriksaan dan pemantauan yang dilaksanakan turut mengambil kira elemen-elemen penguatkuasaan yang tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui Ops Pasar. Ops Pasar ini telah difokuskan bagi menangani kenaikan harga sayuran dari sasaran sebelum ini ke atas barang keperluan perayaan.

Kata Azman, bagi pelaksanaan Ops Pasar, sebanyak 296 jenis barangan telah diperiksa bagi tujuan siasatan antipencatutan. Daripada jumlah barangan terbabit, sebanyak 60 notis telah dikeluarkan bagi tujuan analisis dan siasatan kenaikan harga.

“Hasil pemeriksaan awal mendapati peningkatan harga sayuran ini antara lain disumbang oleh faktor kekurangan bekalan kesan daripada musim monsun. Peningkatan kos-kos input seperti baja, benih dan racun serta harga di negara pengeluar bagi barang yang diimport terus dari negara luar juga turut memberi impak kepada harga di pasaran tempatan. Selain itu, peningkatan harga tersebut sedikit sebanyak turut dipengaruhi oleh kadar pertukaran mata wang, kos perkapalan dan sebagainya.

Kementerian ini melaksana serta menguatkuasa kawalan harga ke atas barangan asas tertentu yang menjadi keperluan pengguna. Harga barangan lain ditentukan oleh pasaran melalui faktor penawaran dan permintaan. Walau bagaimanapun, tindakan perundangan boleh diambil ke atas barangan lain di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sekiranya mana-mana pihak didapati cuba mengaut keuntungan secara berlebihan.” ujar Azman.

Tambahnya, KPDN juga sentiasa melaksanakan sesi libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta pihak peniaga bagi memastikan bekalan sedia ada sentiasa mencukupi. KPDN juga tidak akan berkompromi dengan manamana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga secara keterlaluan. Mana-mana pihak yang didapati melanggar perundangan berkaitan akan dikenakan tindakan yang tegas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

## KPDN keluarkan 60 notis untuk analisis, siasat kenaikan harga sayur



KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengeluarkan 60 notis terhadap 296 jenis barangan yang telah diperiksa bagi tujuan analisis dan siasatan berhubung kenaikan harga sayur-sayuran melalui Operasi Pasar (Ops Pasar).

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata hasil pemeriksaan awal mendapati faktor peningkatan harga sayur-sayuran kerana musim monsun, kenaikan kos input seperti baja, benih dan racun yang diimport, kadar pertukaran mata wang serta kos perkapalan.

Beliau berkata pihaknya memandang serius rungutan orang ramai berkenaan kenaikan harga barangan termasuk sayur-sayuran seperti dilaporkan media arus perdana dan media sosial.

“Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha menangani isu-isu ini melalui tindakan-tindakan proaktif dan penguatkuasaan,” katanya dalam satu kenyataan malam ini.

Ops Pasar merupakan antara pemeriksaan dan pemantauan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang difokuskan bagi menangani kenaikan harga sayuran di pasaran.

Azman berkata seramai 2,200 pegawai penguat kuasa digerakkan setiap hari bagi melaksanakan pemeriksaan harga di premis seluruh negara termasuk yang menjual sayur-sayuran.

Selain itu, beliau berkata pihaknya sentiasa melaksanakan sesi libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta pihak peniaga bagi memastikan bekalan sedia ada sentiasa mencukupi.

“Kementerian ini juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga secara keterlaluan. Jika ada pihak yang didapati melanggar perundangan berkaitan akan dikenakan tindakan yang tegas,” katanya.

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada KPDN melalui WhatsApp di 019-2794317 atau 019-8488000; Portal Aduan e-aduan.kpdnhep.gov.my; Pusat Panggilan 1-800-886-800; emel e-aduan@kpdnhep.gov.my dan Ez ADU KPDN.

— BERNAMA

Headline	Racun, baja punca harga sayur naik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	309 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh FAHMI FAIZ	AdValue	RM 8,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,990



# Racun, baja punca harga sayur naik

Oleh **FAHMI FAIZ**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kenaikan mancanak harga sayur-sayuran sehingga mencecah 100 peratus, didorong empat faktor terutama peningkatan harga produk baja tanaman.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, selain kenaikan harga baja, faktor cuaca, kenaikan harga racun serangga serta masalah kekurangan pekerja asing turut merencatkan pengeluaran sayur-sayuran.

Menurutnya, harga baja tanaman mula meningkat sejak penularan Covid-19 pada 2020, namun menunjukkan peningkatan drastik sejak krisis Russia-Ukraine pada awal tahun lepas.

"Harga baja sudah naik dua kali ganda. Dahulu, baja jenis NPK harganya RM120 sehingga RM140 untuk 25 kilogram. Sekarang ini sudah RM250 hingga RM270.

**Bersambung di muka 3**

Headline	Racun, baja punca harga sayur naik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Dim Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	309 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh FAHMIFAIZ	AdValue	RM 8,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,990

## Racun, baja punca harga sayur naik

### Dari muka 1

Harganya mula naik sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020, tapi paling ketara sejak perang Rusia-Ukraine," katanya di sini semalam.

Dalam masa sama katanya, faktor cuaca yang tidak menentu mengakibatkan kualiti tanaman merosot sehingga menjejaskan pengeluaran.

"Keadaan cuaca tidak menentu, tidak cukup cahaya matahari dan hujan yang berterusan. Pengeluaran kami menjadi tidak begitu baik.

"Ini kerana, bila tiada matahari dalam enam bulan kebelakan-

gan ini, matahari kami tengok mungkin dua, tiga hari saja. Jadi, sayur tidak cantik malah banyak penyakit," jelasnya.

Kata Syed Abd. Rahman, peningkatan harga racun serangga juga mengakibatkan kos pengeluaran naik mendadak.

"Racun naik, semua naik. Itu naik dalam 50 peratus, harganya naik sejak perang Russia-Ukraine, pembekal tempatan berl alasan peperangan itu mengakibatkan harganya meningkat.

"Selain itu, faktor kekurangan pekerja asing di ladang sayuran juga mendorong masalah pengeluaran. Kami sudah berbincang dengan kementerian terlibat dan masih men-

unggu mereka menyelesaikan masalah ini," katanya.

*Mingguan Malaysia* melaporkan harga sayur-sayuran di Balik Pulau, Pulau Pinang meningkat di antara 80 sehingga 100 peratus.

Antara jenis sayur-sayuran yang mengalami peningkatan harga termasuk tomato, timun, kacang panjang dan bendi.

Menurut seorang peniaga di pasar awam, Oh Beng Huat, harga sayur meningkat sekitar 80 hingga 100 peratus dan antara sayur yang mengalami peningkatan harga ialah tomato dan bendi.

Terdahulu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan,

Datuk Seri Mohamad Sabu mengarahkan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah segera bagi memastikan bekalan sayuran cukup di pasaran.

Menurutnya, tindakan intervensi itu perlu diambil susulan bekalan sayur seperti kacang panjang, bendi dan terung berkurangan dan sukar diperolehi pengguna.

Akhbar melaporkan, bekalan sayur-sayuran dijangka tidak dapat menampung permintaan Hggl menjelang bulan Ramadan berikutan hasil pengeluaran sayur dalam negara terjejas akibat cuaca hujan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

## N. Sembilan perluas kawasan penanaman padi, jamin kelangsungan



*Pembukaan kawasan baharu untuk penanaman padi itu juga dapat membuka peluang pekerjaan terutama kepada penduduk setempat. - Gambar hiasan*

**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri Sembilan akan memperluas kawasan penanaman padi sehingga 50 ekar di Londah dekat sini bagi meningkatkan pengeluaran beras di negeri, sekali gus mengurangkan import.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Bakri Sawir berkata ketika ini ia dalam proses perancangan pengairan bersama Jabatan pengairan dan Saliran (JPS) negeri dengan kerja pembersihan tanah akan dimulakan dalam masa terdekat.

"Ia juga selari dengan dasar kerajaan sebelum ini yang mahukan pengeluaran padi tempatan sebanyak 75 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Saya rasa tahun ini kita selesai proses penebasan dan pembersihan, sebab kawasan itu masih lagi terbiar dan semak samun setakat ini.

"Kita juga melihat kelestarian bekalan air untuk tanaman itu, sebab kita risau bila dah bina segala kemudahan dan sebagainya, sumber air untuk mengairi tanaman pula tidak mencukupi. Kita perlu teliti betul-betul sumber air kekal dan tambah kawasan pengeluaran makanan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Wisma Negeri di sini.

Beliau berkata pembukaan kawasan baharu untuk penanaman padi itu bukan sahaja meningkatkan keterjaminan makanan malah dapat membuka peluang pekerjaan terutama kepada penduduk setempat, dan Negeri Sembilan juga berhasrat menjadi antara negeri pengeluar padi untuk negara.

Mengakui banyak sawah padi terbiar seperti di Jelebu, Kuala Pilah dan beberapa daerah lagi, Bakri berkata ia mungkin disebabkan masalah pengairan yang berkurangan akibat daripada pembukaan hutan untuk rancangan tertentu selain masalah cuaca dan modal serta pembangunan sektor lain.

Beliau berkata kerajaan negeri juga akan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk tanaman sayur-sayuran, kontan dan napier di kawasan seluas 100 ekar di Gemas dalam waktu terdekat bagi menggalakkan pertanian secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi.

Sementara itu Bakri berkata kerajaan negeri sedia mencari kawasan tanah atau gudang lama untuk dijadikan kawasan penanaman menegak (*vertical farming*) sebagai alternatif bagi menampung keperluan makanan pada masa akan datang.

Bagaimanapun menurutnya Negeri Sembilan masih mempunyai banyak tanah terbiar dan ia bukanlah keutamaan pada masa ini, namun langkah itu boleh dilaksanakan akan datang sekiranya tanah makin mengecil berikutan pembangunan.